

SULIT

1103/1

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

Ogos/September

2024

2 jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

## BAHAGIAN A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 30 minit]

*Soalan ini mesti dijawab.**Baca kedua-dua e-mel dengan teliti.**Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel tersebut. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

## E-mel 1

Daripada	Maisarah@gmail.com
Kepada	Intan@gmail.com
Subjek	Kebaikan-kebaikan Bidang Pertanian

Intan,

Apa khabar Intan di sana? Saya mengharapkan Intan dan keluarga sihat sejahtera. Bagaimanakah kehidupan Intan setelah berpindah ke Tanah Rata, Cameron Highlands? Semoga Intan seronok menetap di sana.

Intan, tahniah atas kenaikan pangkat sebagai pegawai pertanian di MARDI Cameron Highlands. Banyak manfaat yang bakal kita peroleh apabila berbudi pada tanah. Sudah pastinya Intan bersetuju dengan pendapat saya. Oleh itu, bolehkah Intan menerangkan kebaikan-kebaikan bidang pertanian kepada masyarakat dan negara?

Saya menanti balasan e-mel daripada Intan. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,  
Maisarah

## E-mel 2

Daripada	Ammar@gmail.com
Kepada	Imran@gmail.com
Subjek	Usaha-usaha Memajukan Bidang Penternakan
<p>Imran,</p> <p>Apa khabar Imran yang kini berada di Terengganu? Saya mengharapkan Imran dan keluarga sihat sejahtera. Maaf kerana sudah agak lama saya tidak menghantar e-mel kepada Imran.</p> <p>Sebenarnya, saya sedang menyiapkan kerja kursus tentang bidang penternakan. Kebetulan pula, keluarga Imran terlibat dalam bidang ini dan telah menjadi usahawan yang berjaya.</p> <p>Bolehkah saya mengetahui usaha-usaha yang dilakukan oleh keluarga Imran untuk berjaya dalam bidang penternakan?</p> <p>Saya menanti balasan e-mel daripada Imran. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar,</p> <p>Ammar</p>	

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



## BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Secara umumnya, kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi muda pada masa ini dan akan datang. Pendidikan yang berkesan dapat membentuk murid yang berilmu dan mempunyai jati diri unggul menjelang Transformasi Nasional (TN2050).

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
"Menuju ke Arah Pendidikan Berkesan"  
Dewan Masyarakat, Ogos 2017

Berdasarkan petikan di atas, terdapat usaha pihak kerajaan dalam memartabatkan bidang ini yang wajar dipuji dan diberikan perhatian.

Huraikan usaha-usaha lain yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan murid berilmu pengetahuan.

2

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism) melancarkan risalah pelancongan bertemakan **gastronomi (melancong untuk menikmati makanan)** yang menyenaraikan restoran-restoran makanan laut di Sabah dengan turut memaparkan produk-produk pelancongan utama di sekitar Kota Kinabalu, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dinamakan sebagai Sabah & Labuan See Eat Food Trail Fun Map, inisiatif tersebut merupakan salah satu usaha bagi menarik pelancong ke Sabah dan Labuan yang terkenal sebagai syurga makanan laut.

Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Tourism Malaysia* 3 Ogos 2022

Sebagai respons terhadap petikan di atas, Malaysia sebagai negara syurga makanan mampu menarik pelancong tempatan dan antarabangsa untuk melancong ke Malaysia sebagai sebuah destinasi utama pelancongan.

Huraikan manfaat-manfaat pelancongan gastronomi kepada masyarakat.

3

“UP\_TVET menawarkan kepada calon untuk mendapatkan lebih daripada satu tawaran dan pada akhirnya calon bersetuju untuk menerima satu tawaran sahaja. Walaupun tiada sijil akademik sama ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kita akan menerima warganegara Malaysia untuk memasuki mana-mana industri TVET di negara kita”.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
ucapan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi  
*Berita Harian*, 20 Mei 2024

Jelaskan kepentingan-kepentingan TVET bagi memenuhi pasaran pekerjaan.

4

Saban hari, tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM) dilihat semakin meluas dan mencabar serta memerlukan anggotanya sentiasa bersedia sedia untuk menempuh apa-apa juga halangan yang mendatang. Tugas penyelamatan di pelbagai tempat dan keadaan, memastikan undang-undang dan keselamatan masyarakat terjaga serta menjaga kawasan perbatasan negara dan kedaulatan negara terjamin merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi negara tercinta.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada  
*Akhbar Sinar Harian*, 2021

Petikan di atas menyatakan peranan-peranan yang dilakukan oleh anggota-anggota keselamatan negara dalam menjaga keselamatan awam dan negara.

Huraikan peranan-peranan pasukan keselamatan tersebut.

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT